

**KECENDERUNGAN PENGURUSAN DALAM ELEMEN 7 PENJANAAN  
PENDAPATAN 2011-2019 CREATIVE DESIGN CENTRE(CDEC)  
DI PUSAT TEKNOLOGI POLITEKNIK MALAYSIA**

**[MANAGEMENT TENDENCY IN ELEMENT 7 INCOME GENERATION 2011-2019  
CREATIVE DESIGN CENTER (CDEC) AT MALAYSIAN POLYTECHNIC  
TECHNOLOGY CENTER]**

MOHAMAD FAISAL AHMAD<sup>1</sup>

MARIA MOHAMMAD<sup>2</sup>

HASHIM MAT ZIN<sup>1</sup>

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisa jumlah pendapatan pusat kreatif daripada tahun 2015-2019. Kesan pertukaran pengurus di Creative Design Centre (CDeC) terhadap hala tuju elemen penjana pendapatan bagi audit pengiktirafan daripada Centre of Technology(COT) juga dikaji. Kajian dianalisis berdasarkan laporan tahunan pencapaian Key Performance Indicator (KPI) dari tahun 2015 hingga 2019. Kajian ini penting bagi menganalisis kekuatan pentadbiran bagi mengekalkan jumlah KPI penjana pendapatan RM100,000.00 setahun sepertimana syarat dalam Buku Garis Panduan COT Edisi 2015 dan 2020 . Dapatan kajian mendapati LIMA (5) orang pengurus - telah mentadbir Creative Design Centre sejak penubuhan pada tahun 2011 hingga 2020 yang terdiri daripada DUA pegawai dari bidang rekabentuk, DUA (2) pegawai dari bidang kejuruteraan dan SATU (1) dalam bidang pengajian am. Dapatan kajian menunjukkan terdapat TIGA (3) pecahan penjana pendapatan pada elemen 7.0 audit COT. Pecahan pertama penjana hasil pendapatan yang dijana atau dihasilkan daripada aktiviti kolaborasi, perkhidmatan kepakaran (ES), penyelidikan dan inovasi (R&I) serta melalui KPI pengajaran dan pembelajaran (T&L). Penerbitan dan pengiktirafan juga telah menghasilkan pendapatan tunai urusniaga yang dimasukkan ke dalam tabung amanah atau koperasi institusi. Pecahan kedua adalah pendapatan hasil kerjasama bersama industri luar yang ditaja oleh pihak syarikat atau insdustri luar. Manakala pecahan ketiga adalah jumlah geran yang diperolehi daripada industri atau geran penyelidikan. Tahun 2019 adalah pencapaian tertinggi dengan jumlah pendapatan RM365,345.00 manakala tahun 2015 hingga 2019 jumlah terkumpul pada setiap tahun adalah antara RM101,077.65 hingga RM 148,390.00. Tahun 2019 juga mencatatkan pencapaian tertinggi bagi penjualan produk dan perkhidmatan secara tunai dengan jumlah RM 218,389.00. Bagi pecahan endowment tahun 2018 mencatatkan pencapaian terbaik dengan nilai endowment sebanyak RM68,522.90. Manakala tahun 2016 mencatat pecahan geran terbanyak dengan nilai RM134,200.00. Penjana pendapatan melalui geran

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ibrahim Sultan, KM 10 Jalan Kong-Kong, 81700 Pasir Gudang Johor, MALAYSIA.

<sup>2</sup> Creative Design Centre, Politeknik Ibrahim Sultan, KM 10 Jalan Kong-Kong, 81700 Pasir Gudang Johor, Malaysia

**Corresponding Author:**

**MOHAMAD FAISAL AHMAD**, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ibrahim Sultan, KM 10 Jalan Kong-Kong, 81700 Pasir Gudang Johor, MALAYSIA.

E-mail: [hj.faisal47@yahoo.com](mailto:hj.faisal47@yahoo.com)

menunjukkan tahun 2015 sehingga 2017 menyumbang 60% sehingga 100% daripada jumlah RM100,000 yang perlu dicapai. Dapatan ini menunjukkan pertukaran pengurus amat mempengaruhi hala tuju penjanaaan pendapatan

**Kata Kunci:** Centre of Technology (COT), Creative Design Centre (CDeC), Penjanaaan Pendapatan.

### Abstract

This study aims to analyze the total revenue of creative centers from 2015-2019. The effect of the exchange of managers at the Creative Design Center (CDeC) on the direction of the revenue generation element for the recognition audit from the Center of Technology (COT) was also studied. The study was analyzed based on the annual report on the achievement of Key Performance Indicator (KPI) from 2015 to 2019. This study is important to analyze the strength of administration to maintain the total income generation KPIs RM100,000.00 per year as required in the COT Guidebook Book 2015 Edition and 2020. The findings of the study found that FIVE (5) managers - have administered the Creative Design Center since its inception in 2011 to 2020 consisting of TWO officers from the field of design, TWO (2) officers from the field of engineering and ONE (1) in the field of general studies. The findings of the study show that there are THREE (3) fractions of income generation in element 7.0 of the COT audit. The first breakdown of revenue generators generated or generated from collaboration activities, expertise services (ES), research and innovation (R&I) as well as through teaching and learning (T&L) KPIs. The issuance and recognition has also resulted in the cash income of transactions entered into trust funds or institutional cooperatives. The second fraction is income from collaborations with external industries sponsored by companies or external industries. While the third fraction is the amount of grants obtained from industry or research grants. The year 2019 is the highest achievement with a total income of RM365,345.00 while in 2015 to 2019 the total accumulated each year is between RM101,077.65 to RM 148,390.00. The year 2019 also recorded the highest achievement for the sale of products and services in cash with a total of RM 218,389.00. For the 2018 endowment breakdown recorded the best achievement with an endowment value of RM68,522.90. Meanwhile, 2016 recorded the highest number of grants with a value of RM134,200.00. Income generation through grants shows that 2015 to 2017 contributed 60% to 100% of the total RM100,000 to be achieved. These findings indicate that the change of managers greatly influences the direction of income generation.

**Keywords:** Center of Technology (COT), Creative Design Center (CDeC), Income Generation.

**Cite This Article:**

Mohamad Faisal Ahmad, Maria Mohammad & Hashim Mat Zin. (2020). Kecenderungan Pengurusan dalam Elemen 7 Penjanaaan Pendapatan 2011-2019 Creative Design Centre(CDeC) di Pusat Teknologi Politeknik Malaysia. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 2(4), 37-44.


## PENGENALAN

Creative Design Centre (CDeC) telah ditubuh pada 15 Disember 2011 dalam sistem Jabatan Pengajian Politeknik Malaysia. Dengan penganugerahan ini, *Centre of Technology* (COT), telah memberi fokus kepada *Creative Design Centre* (CDeC). Sejalan dengan nama dan fungsinya, pusat ini berfokuskan kepada bidang tujuhan Reka Bentuk Kreatif (*Creative Design*). Konsep COT politeknik diadaptasi daripada konsep Pusat Kecemerlangan atau *Centre of Excellence* (COE) yang dibangunkan di universiti sebagai Pusat Kecemerlangan dan pengembangan ilmu. Ianya menggabungkan kepakaran dan kemahiran daripada pelbagai bidang untuk menjalankan penyelidikan yang asli dan rintis bagi memberikan kepimpinan ilmu dalam bentuk penggubalan dasar dan pembangunan teknologi kepada masyarakat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. COT di politeknik berkonsepkan pusat kecemerlangan dalam pelbagai bentuk iaitu Makmal Penyelidikan, Pusat Penyelidikan, Institut Penyelidikan dan Pusat Perkhidmatan serta memperkenalkan 7 elemen sebagai rubrik bagi penilaian pusat-pusat COT seluruh Malaysia. Rajah 1 menunjukkan Logo COT yang telah direka oleh CDeC pada tahun 2019 dan dilancarkan oleh COT dalam Buku Garis Panduan Edisi 2020 yang ditambah baik berdasarkan kesesuaian pelaksanaan COT seluruh Malaysia.



Rajah 1. Logo COT

COT juga berfungsi sebagai pusat rujukan dalam bidang tujuhan yang memberi manfaat dan kesejahteraan kepada komuniti, masyarakat dan industri berkaitan mengikut Buku Garis Panduan Pelaksanaan *Centre of Technology* Edisi 2015 dan Buku Garis Panduan Pelaksanaan *Centre of Technology* Edisi 2020 seperti Rajah 2. Secara umumnya COT politeknik adalah sebuah pusat yang mengembeleng pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh warga politeknik dalam bidang tujuhan tertentu serta memperkembangkan pengetahuan, perkongsian kepakaran dan amalan terbaik melalui kerjasama strategik dengan sektor industri, awam dan akademia demi menghasilkan impak maksima kepada kecemerlangan organisasi dan graduan politeknik.



Rajah 2. Buku Garis Panduan

Penubuhan organisasi ini amat penting bagi memastikan pengurusan dan pelaksanaan projek-projek di bawah COT dilaksanakan dengan jayanya. Pelbagai dokumen sokongan perlu dikemaskini bagi tujuan pengauditan berdasarkan keperluan lampiran E dan F seperti *Buku garis Panduan Pelaksanaan Centre of Technology Edisi 2015*. Penerangan berhubung setiap elemen serta cadangan strategi dan pelan tindakan bagi pencapaian keperluan elemen adalah seperti berikut: Dalam **Elemen 7: Penjanaan Pendapatan (Income)**. Pendapatan sesebuah COT merujuk kepada keupayaannya menjana pendapatan atau mendapatkan dana yang berkaitan dengan aktiviti COT. Pendapatan yang dimaksudkan adalah pendapatan yang dijana atau dihasilkan daripada aktiviti kolaborasi, perkhidmatan kepakaran (ES), dan penyelidikan dan inovasi (R&I) serta melalui pengajaran dan pembelajaran (T&L), penerbitan dan pengiktirafan serta dana yang diperolehi daripada agensi kerajaan atau sektor swasta.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian dianalisis berdasarkan laporan tahunan pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) dari tahun 2015 hingga 2019. Kajian ini penting bagi menganalisis kekuatan pentadbiran bagi mengekalkan jumlah KPI penjanaan pendapatan RM100,000.00 setahun sepertimana syarat dalam Buku Garis Panduan COT Edisi 2015 dan 2020. Dapatan kajian mendapati LIMA (5) orang pengurus yang telah mentadbir Creative Design Centre sejak penubuhan pada tahun 2011 hingga 2020 yang terdiri daripada DUA pegawai dalam bidang rekabentuk, DUA (2) pegawai dalam bidang kejuruteraan dan SATU (1) dalam bidang pengajian am.

Jadual 1 Profil Informan Berdasarkan Jawatan, Jantina, Gred Jawatan, Pengalaman Sebagai Pegawai Pusat Rekabentuk Kreatif

Bidang/Kelulusan Pengurus	Bil	Jantina	Gred Jawatan	Tahun Berkhidmat
Reka Bentuk Fesyen	1	L	DH 44	2011-2012
Kejuruteraan Mekanikal	1	L	DH 52	2012-2014
Pengajian Am	1	P	DH 52	2014-2016
Kejuruteraan Mekanikal	1	P	DH 48	2017-2018
Rekaan (Seni Halus)	1	P	DH 48	2018-2020

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN


Dapatan kajian mendapati LIMA (5) orang pengurus telah mentadbir Creative Design Centre sejak penubuhan pada tahun 2011 hingga 2020 yang terdiri daripada DUA pegawai dalam bidang rekabentuk, DUA (2) pegawai dalam bidang kejuruteraan dan SATU (1) dalam bidang pengajian am.

Jadual 2 Pencapaian Penjana Pendapatan bagi Elemen 7.0 Mengikut Pecahan Penjana Tunai (Tabung Amanah/Koperasi), Endowment, Geran serta Jumlah Pendapatan Setiap Tahun bermula Tahun 2011-2019

Tahun/ Pengurus	Penjana Tunai (Tabung Amanah/Koperasi)	Endowment	Geran	Jumlah
2011-2014	Tiada Data	Tiada Data	Tiada Data	Tidak berkenaan
2015	10,760.00	37,381.00	60,127.50	108,268.50
2016	5,000.00	9,190.00	134,200.00	148,390.00
2017	62,333.00	1,500.00	79,200.00	143,033.00
2018	18,554.75	68,522.90	14,000.00	101,077.65
2019	218,389.00	62,466.00	84,500.00	365,345.00
Jumlah Kumulatif	315,036.75	179,059.90	372,027.50	

Dapatan kajian daripada Jadual 2 dan rajah 9 menunjukkan terdapat TIGA (3) pecahan penjana pendapatan pada elemen 7.0 audit COT. Pecahan pertama penjana hasil pendapatan yang dijana atau dihasilkan daripada aktiviti kolaborasi, perkhidmatan kepakaran (ES), penyelidikan dan inovasi (R&I) serta melalui KPI pengajaran dan pembelajaran (T&L), penerbitan juga pengiktirafan yang menghasilkan pendapatan tunai urusniaga yang dimasukkan ke dalam tabung amanah atau koperasi institusi. Pecahan kedua adalah pendapatan hasil kerjasama bersama industri luar yang ditaja oleh pihak syarikat atau industri luar. Manakala pecahan ketiga adalah jumlah geran yang diperolehi daripada industri atau geran penyelidikan. Tahun 2019 adalah pencapaian tertinggi dengan jumlah pendapatan RM 365,345.00 manakala tahun 2015 hingga 2019 jumlah terkumpul pada setiap tahun adalah antara RM 101,077.65

hingga RM 148,390.00. Tahun 2019 juga mencatatkan pencapaian tertinggi bagi penjualan produk dan perkhidmatan secara tunai dengan jumlah RM 218,389.00. Bagi pecahan *endowment* tahun 2018 mencatatkan pencapaian terbaik dengan nilai *endowment* sebanyak RM 68,522.90. Manakala tahun 2016 mencatat pecahan geran terbanyak dengan nilai RM 134,200.00. Daripada Jadual 2, penjanaaan pendapatan melalui geran pada tahun 2015 sehingga 2017 amat menyumbang antara 60% hingga 100% daripada jumlah RM100,000 yang perlu dicapai. Dapatan ini menunjukkan pertukaran pengurus amat mempengaruhi hala tuju penjanaaan pendapatan kesan kepakaran pengurus CDeC mengurus serta kekuatan pegawai –pegawai CDeC pada tahun tersebut. Pencapaian CDeC menunjukkan tahun 2019, pengurus CDeC berjaya mencapai pencapaian tertinggi elemen 7.0 bagi ketiga-tiga pecahan.



Rajah 3. Pencapaian Penjanaaan Pendapatan bagi Elemen 7.0 Mengikut Pecahan Penjanaaan Tunai(Tabung Amanah/Koperasi), Endowment, Geran serta Jumlah Pendapatan Setiap Tahun bermula Tahun 2011-2019

## KESIMPULAN

Creative Design Centre(CDeC) telah berjaya mengekalkan pencapaian bagi melayakkan pengiktirafan dalam Rekabentuk Kreatif sebagai bidang tujahan yang memfokuskan kepada beberapa aspek yang boleh diperluaskan kepada beberapa projek sejak tahun 2011 hingga tahun 2020. Dengan merujuk kepada kriteria pengukuran pencapaian COT, setiap aktiviti dalam bidang tumpuan dirancang dan disesuaikan untuk memenuhi keperluan sesuatu kriteria secara sistematik. Bagi memastikan kejayaan audit COT dicapai pada tahun tersebut. Projek-projek berkaitan fokus area telah dikenalpasti bagi menjalinkan jaringan kolaborasi sehingga ke peringkat kebangsaan serta antarabangsa. Perkhidmatan khidmat kepakaran CDeC dijadikan tunjang utama dalam menjalankan aktiviti bersama rakan kolaborasi bagi tujuan penjanaaan pendapatan melalui TIGA (3) saluran iaitu penjanaaan tunai melalui tabung amanah atau koperasi, *endowment*, geran melalui perkhidmatan khidmat kepakaran CDeC. Hala tuju setiap

pengurus menentukan pemilihan projek serta hala tuju aktiviti penjanaaan. CDeC berjaya mengekalkan sebagai pusat kecemerlangan Centre of Technology (COT) dalam bidang reka bentuk kreatif di Malaysia. Dapatan kajian pengkaji menunjukkan pertukaran pengurus amat mempengaruhi hala tuju penjanaaan pendapatan, kesan kepakaran pengurus CDeC dalam mengurus serta kekuatan pegawai – pegawai CDeC pada tahun tersebut. Pencapaian CDeC menunjukkan tahun 2019, pengurus CDeC berjaya mencapai pencapaian tertinggi elemen 7.0 dengan jumlah penjanaaan sebanyak RM 365,345.00. *Centre of Technology* akan terus dilestarikan dengan komitmen pegawai-pegawai yang komited serta pengurusan yang sistematik, CDeC berpeluang menerobos sebagai pusat rekabentuk kreatif dalam bidang tujahan rekabentuk Kreatif di peringkat komuniti, masyarakat, negara serta antarabangsa berdasarkan pencapaian laporan sejak tahun 2011-2020.

## RUJUKAN

- Ariff, Mohamed, 2002. "Asean strategy for upgrading industry and competing in East Asia: the case of Malaysia". Paper presented at the *Japan-Asean Research Institute meeting* in Bangkok, 30-31 October.
- Aziz, Kamarulzaman Abdul and Omar, Aliza Akmar, 2001. "The multimedia super corridor: a physical manifestation of the Malaysian National System of Innovation". Paper presented in "The Future of Innovation Studies" *conference in Eindhoven University of Technology, the Netherlands*, 20-23 September.
- Centre, Creative Design. 2020. *Laporan Tahunan Centre of Technology Tahun 2015 hingga 2019*. Pasir Gudang, Johor.
- Fauzul, M. F., Takenouchi, H., and Yukiko, T. (2010). entrepreneurial orientation and Business performance of small and medium scale enterprises in Sri Lanka. *Asian Social Science* , 6 (3), 34-46.
- Malaysia, J. P. P. K. P. (2015). *Garis Panduan Perlaksanaan Centre of Technology Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia Edisi 2015*. Putrajaya: Inspirecom.
- Sari, D. I. (2019). Centre of Technology sebagai Model Praktis Industri Pelayaran untuk Kompetensi Lulusan Jurusan Ketatalaksanaan Pelayaran Niaga pada Perguruan Tinggi Vokasi Maritim di Indonesia. *Proceeding of 10th Industrial Research Workshop and National Seminar*, Vol 10 No (Polban), 1257–1263. <https://doi.org/https://doi.org/10.35313/irwns.v10i1.1405>
- Supaat Zakaria, Chong Chee Guan, Nor Sham Hasan, Maria Mohammad, Wan Mohd Naquib Wan Abd Rahman, Azhary Yahya, Faezah bin Yahya, Md.Razak Daud, Surina Nordin, Isham Shah Hassan, Sazali Mohd Redwan. (2020). *Garis Panduan Perlaksanaan Centre Of Technology Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia*. Pasir Gudang, Johor.
- Tajeddini, K. (2010). Effect of Customer Orientation and Entrepreneurial Orientation on Innovativeness: Evidence from The Hotel Industry in Switzerland. *Tourism Management* , 31, 221-231
- Zainol, F.A. and Ayadurai, S. (2011). Entrepreneurial Orientation and Firm Performance: The Role of Personality Traits in Malay Family Firms in Malaysia. *International Journal of Business and Social Science*. 2 (1), 59–72.

Zakiman Zali, Saw Chu Lin, Nor Sham Hasan, Nurul Aini Mohd Ahyan, Wan Mohd Naquib Wan Abd Rahman. (2017). *My COT Centre of Technology Polytechnic Malaysia (Edisi 1)*. Pasir Gudang, Johor: Creative Design Centre (CDeC).